


Praktis Sumatif

Bahagian A

Jawab semua soalan.

7.1 Tamadun India

- 1 Rajah menunjukkan perubahan lokasi Tamadun India.



Apakah kesan daripada perubahan tersebut?

- A Perkembangan tamadun
- B Peningkatan penduduk
- C Peningkatan ekonomi
- D Pengenalan pendidikan

Buku Teks m.s. 140

- 2 Persamaan kedua-dua kerajaan berikut ialah

- Janapada
- Mahajanapada

- A hasil gabungan kerajaan kecil
- B kerajaan awal
- C memperkenalkan agama dalam masyarakat

- D membentuk empayar yang sangat luas
Buku Teks m.s. 140

- 3 Bagaimanakah kewujudan kerajaan berikut mempengaruhi ketamadunan India?

Kerajaan Magadha

- A Menjadi kuasa besar dunia
- B Menyebarkan budaya India moden
- C Menjadi asas kewujudan kerajaan-kerajaan lain
- D Mewujudkan sistem politik moden

Buku Teks m.s. 140

- 4 Sebuah organisasi diperlukan bagi menjaga kedaulatan kerajaan daripada ancaman musuh. Apakah yang mewakili organisasi tersebut?

- A Persatuan
- B Kepimpinan politik
- C Pertubuhan sukarelawan

- D Pasukan tentera
Buku Teks m.s. 141

- 5 Dalam perluasan kuasa, pemerintah Tamadun India yang bijak tidak bergantung kepada aspek ketenteraan sahaja.

Antara berikut, aspek yang tersebut ialah

- I keagamaan
 - II hubungan diplomatik
 - III kemahiran dalam rundingan
 - IV kemanusiaan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 141

- 6 Faktor penting dalam memastikan perluasan kuasa berjalan dengan lancar ialah
- A kebijaksanaan pembesar
 - B kebijaksanaan raja
 - C keunggulan sebuah kerajaan
 - D kepelbagaian pekerjaan penduduk

Buku Teks m.s. 141

- 7 Sebuah kerajaan mampu membentuk sebuah empayar dengan menguasai kerajaan-kerajaan lain. Antara berikut, apakah aspek utama yang membantu kelancaran perluasan kuasa?

I Kerelaan tentera
II Sokongan rakyat
III Kekuatan ketenteraan
IV Displin tentera
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 142

- 8 Jadual berikut berkaitan dengan kekuatan ketenteraan sebuah dinasti dalam Tamadun India.

Pasukan tentera	Bilangan
Kavalri	20 000
Infantri	200 000
Tentera bergajah	3000

Apakah dinasti tersebut?

A Mathura
B Maurya
C Nanda
D Pundravardhana

Buku Teks m.s. 142

- 9 Antara berikut, mengapakah Asoka menukar corak dasar perluasan kuasanya?
- I Kehilangan nyawa yang tinggi
II Kehilangan banyak harta benda
III Kawasan terlalu luas
IV Kekangan waktu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks m.s. 143

- 10 Bagaimanakah aktiviti perluasan kuasa mampu mencipta keagungan Dinasti Gupta?
- A Membangunkan infrastruktur kerajaan
B Menjadi sebuah kerajaan yang dihormati
C Memiliki sebuah empayar yang luas
D Memonopoli aktiviti perdagangan

Buku Teks m.s. 144

- 11 Selepas Perang Kalinga, Asoka menghentikan sebarang usaha perluasan secara fizikal. Apakah tumpuan Asoka selepas perang tersebut?
- A Peningkatan seni bina
B Kemajuan perdagangan
C Perkembangan agama Buddha
D Perkembangan agama Hindu

Buku Teks m.s. 144

- 12 Apakah perbezaan antara kedua-dua kaedah perluasan kuasa berikut?

- Fizikal
- Keagamaan

A Melibatkan penggunaan tentera
B Merentasi sempadan yang luas

- C Melibatkan kos yang tinggi
D Memerlukan ramai sumber manusia
- Buku Teks m.s. 144

- 13 Apakah berkaitan dengan monumen yang berikut?



Tiang Asoka

- A Sumber perundangan awal
B Keagungan seni bina
C Lambang keagungan rakyat
D Mewakili kemajuan kerajaan
- 14 Apakah yang berkaitan dengan misi berikut?

- Mahendra mengetuai misi ke Sri Lanka.
- Sona dan Uttara mengetuai misi ke Asia Tenggara.

Apakah misi tersebut?

A Perluasan kuasa
B Penyebaran agama Buddha
C Mengukuhkan hubungan diplomatik
D Meningkatkan hubungan perdagangan

Buku Teks m.s. 144

- 15 Mengapakah Raja Samudragupta dikenali sebagai Kaviraja?
- A Memajukan seni bina
 - B Memiliki hubungan diplomatik yang luas
 - C Meminati puisi-puisi berbentuk keagamaan
 - D Pemerintahan berasaskan agama Buddha

Buku Teks m.s. 145

7.2 Tamadun China

- 16 Antara berikut, apakah kelebihan yang dimiliki oleh Tamadun China?
- I Kekuatan ketenteraan
 - II Kesuburan tanah-tanah
 - III Lokasi yang strategik
 - IV Pemimpin yang tegas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 146

- 17 Apakah sumbangan penting Maharaja Shi Huangdi terhadap Tamadun China?
- A Mengadakan hubungan dengan kerajaan luar
 - B Mewujudkan sebuah kerajaan moden
 - C Meningkatkan keupayaan tentera
 - D Menyatukan kerajaan-kerajaan

Buku Teks m.s. 146

- 18 Dinasti Han telah menunjukkan peningkatan dalam bidang perdagangan. Peningkatan aktiviti tersebut disebabkan oleh

- A pembukaan laluan perdagangan daratan
- B penguasaan ke atas banyak wilayah
- C pengiktirafan daripada rakyat jelata
- D penguasaan jalan laut

Buku Teks m.s. 147

- 19 Apakah persamaan yang dimiliki oleh dinasti yang berikut?

- Dinasti Qin
- Dinasti Han

- A Kekuatan ketenteraan
- B Empayar yang luas
- C Menguasai perdagangan antarabangsa
- D Memiliki hubungan dengan kerajaan luar

Buku Teks m.s. 147

- 20 Apakah yang berkaitan dengan karya *Lun Yu* (*Analects*)?

- A Ketenteraan
- B Ekonomi
- C Politik
- D Pendidikan

Buku Teks m.s. 148

- 21 Tokoh yang mementingkan aspek perundangan dalam masyarakat ialah

- A Han Fei Zi
- B Konfusius
- C Cai Lun
- D Liu Bang

Buku Teks m.s. 148

- 22 Antara berikut, apakah matlamat pendidikan dalam Tamadun China?

- I Lulus peperiksaan perkhidmatan awam

- II Melatih tentera
 - III Menyaingi kemajuan tamadun lain
 - IV Memilih pegawai kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


Buku Teks m.s. 149

- 23 Antara berikut, maklumat yang manakah berkaitan dengan pendidikan tinggi?

- I Penterjemahan buku suci
 - II Pelajaran berkaitan adat istiadat
 - III Penulisan karangan
 - IV Menghafal tulisan suci
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Buku Teks m.s. 149

- 24 Rajah berikut menunjukkan perkembangan sistem pendidikan dalam Tamadun China



Apakah tumpuan yang diberikan pada peringkat X?

- A Menulis sajak
- B Menulis karangan
- C Menterjemah buku suci
- D Menghafal buku suci

Buku Teks m.s. 149

- 25 Apakah kesan pengenalan pendidikan terhadap individu dalam Tamadun China?
- A Dihormati oleh masyarakat kampungnya
 B Dilantik sebagai pemimpin kerajaan
 C Berjaya memajukan kampungnya
 D Dapat melantik pegawai di kampungnya
- Buku Teks m.s. 150*

- 26 Seorang calon telah menipu dalam peperiksaan awam dalam Tamadun China. Bagaimanakah kerajaan mengelakkan perkara tersebut daripada berulang?
- A Memansuhkan peperiksaan
 B Mengurung calon peperiksaan
 C Membatalkan keputusan peperiksaan
 D Memberikan soalan berbeza untuk setiap calon
- Buku Teks m.s. 151*

- 27 Antara berikut, maklumat manakah mewakili Tahap Kedua (Juren) dalam peperiksaan awam?
- I Tempoh peperiksaan ialah sehari
 II Dilaksanakan di ibu kota daerah
 III Khas untuk calon yang lulus peperiksaan Xiucai
 IV Bilangan calon 500 orang

- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
- Buku Teks m.s. 152*

- 28 Apakah kelebihan kepada calon yang lulus ketiga-tiga tahap peperiksaan berikut?

- Xiucai
- Juren
- Jinshi

- A Layak menjawab jawatan pegawai kerajaan
 B Layak menjadi ahli pemikir kerajaan
 C Layak menerajui sebuah kampung
 D Layak mendapat anugerah daripada ketua kampung
- Buku Teks m.s. 152*


- 29 Antara berikut, yang manakah pasangan yang betul berkaitan dengan peperiksaan perkhidmatan awam?

I	Xiucai	Terbuka kepada semua orang
II	Jinshi	Diadakan tiga tahun sekali
III	Juren	Terbuka kepada semua orang
IV	Jinshi	Tempoh tiga hari diperlukan untuk menduduki peperiksaan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Buku Teks m.s. 152

- 30 Apakah langkah X dalam proses pembuatan kertas?



- A Bahan akan direndam di dalam air
 B Bahan akan dijemur di bawah cahaya matahari
 C Bahan dikumpul dalam satu bekas
 D Bahan direbus

Buku Teks m.s. 153